

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 NOVEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 38

Ekonomi bakal dipacu segmen domestik

Ekonomi bakal dipacu segmen domestik

PETALING JAYA - MIDF Research mengunjurkan ekonomi negara akan terus berkembang pada kadar 4.2 peratus tahun depan, meskipun dalam suasana pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlakan.

Menurut laporan ringkasan ekonomi yang dikeluarkan semalam, firma penyelidikan pasaran itu melihat pertumbuhan ekonomi Malaysia terutamanya akan dipacu oleh permintaan domestik.

"Ekonomi global tahun depan dijangka kekal berkembang tetapi pada kadar yang lebih perlakan dan kemungkinan, kemelesetan kekal dalam radar tetapi tanda-tanda peningkatan asas makro ekonomi di kebanyakan negara akan terus menyokong pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Bagi Malaysia yang merupakan ekonomi berorientasikan eksport, kami percaya kelembapan global akan memberi kesan ketara ke atas prestasi perdagangan luar tahun depan.

"Walau bagaimanapun, prestasi perdagangan luar

Malaysia diramalkan kekal berdaya tahan hasil daripada kepelbagaian produk terutamanya E&E (elektrik & elektronik), produk petroleum ditapis serta minyak sawit dan bahan perlombongan," katanya lagi.

Dalam unjuran ekonomi terbaru oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), badan antarabangsa itu menaikkan jangkaan pertumbuhan ekonomi global tahun ini sebanyak 0.1 peratus kepada 3.1 peratus dan mengekalkan jangkaan pertumbuhan tahun depan pada 2.2 peratus.

Unjuran pertumbuhan pada 2024 pula adalah sebanyak 2.7 peratus.

OECD melihat ekonomi Amerika Syarikat bakal bertumbuh pada 1.8 peratus tahun ini, sebelum menyederhana kepada 0.5 peratus tahun depan, disebabkan impak polisi monetari yang semakin ketat dan tekanan inflasi.

Ekonomi China pula dijangka tumbuh 4.6 peratus.



PRESTASI perdagangan luar negara dijangka kekal berdaya saling hasil daripada sumbangan sektor perkhidmatan. - GAMBAR HIASAN